

Anwar sampai syarahan di Universiti Filipina hari ini

Oleh ARIF AIMAN ASROL

aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tiba di Manila, Filipina untuk memulakan lawatan rasmi dua hari bermula semalam.

Ini adalah lawatan rasmi kelima Anwar ke negara ASEAN sejak dilantik sebagai Perdana Menteri pada November tahun lalu.

Dalam lawatan itu, Perdana Menteri yang diiringi isteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail akan memperkukuhkan hubungan Malaysia dan Filipina, selain membincangkan peluang-peluang kerjasama lain.

“Saya disambut Menteri Ke-bajikan dan Pembangunan, Rexlon T. Gatchalian; Timbalan

Menteri, Bianca Christina Cardenas Zobel; Duta Filipina ke Malaysia, TYT Charles C. Jose dan Wakil Daerah Kota Pasay, TYT Antonio G. Calixto.

“Saya di sini bagi bertemu Presiden Filipina, Ferdinand Marcos Jr. dan juga anggota kerajaan Filipina dalam rangka memperkemas serta memperkukuh hubungan akrab kedua-dua negara, selain meneroka peluang kerjasama yang lebih erat antara kedua-dua negara,” kata Anwar menerusi hantaran Facebook semalam.

Mengikut jadual, hari ini Perdana Menteri akan menyampaikan syarahan umum bertajuk 30 Tahun Selepas Gelombang Kebangkitan Asia: Pengajaran Strategik Buat ASEAN’ di Universiti Filipina yang ditubuhkan pada tahun 1908.



ANWAR Ibrahim disambut Ferdinand Marcos Jr. ketika tiba di Istana Malacanang di Manila semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI